

Address: 1st Floor (West Wing), Bangunan BAITULMAKJUR, Lot 4563, Medan Raya 90000, Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia
Tel: 082-445505 (6 Lines) Fax: 082-448825

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA

MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY, MALAYSIA

BLOK 10, KOMPLEKS KERAJAAN JALAN DUTA
50622 KUALA LUMPUR

Telefon : (603) - 6203 3022
Faks : (603) - 6201 2337, 6203 1303

Web Site : <http://www.miti.gov.m>



Fail Tuan : MITI:ID/DP/PE(S)
Fail Kami : 535/9 Jld.9(1)
24 Jun 2008



Senarai edaran seperti di lampiran

Tuan,

PENGLIBATAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG LAIN BERSAMA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA DALAM PROSES PEMERIKSAAN DAN PELEPASAN KARGO

Dengan hormatnya saya merujuk kepada keputusan Meyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) berhubung penglibatan Agensi-agensi Kerajaan Yang Lain (OGA) bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dalam proses pemeriksaan dan pelepasan kargo.

2. Untuk makluman tuan, dalam Mesyuarat PEMUDAH Bil. 4/2008 pada 25 April 2008, KDRM telah bersetuju menerima pakai kaedah Anggaran Waktu Ketibaan (ETA) kapal bagi memudahkan proses pra-pelepasan kargo (*pre-clearance of cargo*). Maklumat ETA ini juga boleh digunakan oleh OGA untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kargo berkaitan, sekiranya diperlukan.

3. Sehubungan itu, PEMUDAH telah memutuskan agar OGA juga menggunakan maklumat ETA yang dikemukakan oleh syarikat pengimport atau ejen penghantar untuk memudahkan proses pemeriksaan dan pelepasan kargo, termasuklah bagi urusan yang perlu dijalankan pada hari minggu atau kelepasan am. Sekiranya pihak OGA dikhendaki oleh pengimport atau ejennya melaksanakan tugas pemeriksaan dan pelepasan kargo pada hari minggu atau kelepasan am, mereka boleh menimbang mengenakan bayaran/fee.



tambahan ke atas pengimport atau ejen berkeajaan. Walau bagaimanapun, kadar bayaran tersebut hendaklah dirundingkan dan dipersetujui oleh pihak Perbendaharaan Malaysia terlebih dahulu.

4. Perkara ini disampaikan untuk perhatian dan tindakan pihak tuan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”

Saya yang menurut perintah,



(MUTHAFA YUSOF)

Pengarah
Sekretariat PEMUDAH
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Salinan: Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Ketua Pengarah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia